

Bil () dlm.PDTSPT/P/0002/54/MARRIS-2022(3)
Tarikh: 23 MAC 2022

KENYATAAN SEBUTHARGA NO: PDTSPT/24/2022

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan **CIDB dan PKK** dalam CE - CE21 dan G1(Bumiputera) / Kelas F dengan Tajuk :

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN JALAN ROSAK DAN BERLUBANG SERTA MENURAP SEMULA JALAN KG.BESAR SERTA LAIN LAIN JALAN KAMPUNG

2. Pemborong yang ingin menyertai sebutharga diminta berkumpul di Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah pada tarikh **24 MAC 2022 jam 9.⁰⁰ pagi** untuk sesi pendaftaran secara pandu lalu. Lawatan tapak tidak diwajibkan. Wakil tidak dibenarkan.

3. Dokumen sebutharga boleh diperolehi di laman web **<http://ep.penang.gov.my>** melalui akaun e-perolehan masing-masing sebagai bukti pembelian dengan harga:-

i) Borang sebutharga : RM 10.00

4. Borang sebutharga hanya akan dijual kepada penender yang melawat tapak sahaja. Penender yang gagal mematuhi syarat diatas tidak akan dibenarkan memasuki sebutharga.

5. Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan dalam peti sebutharga di unit Pembangunan PDTSPT selewat – lewatnya pada **31 MAC 2022 sebelum jam 12.⁰⁰ tengahari**. Pertimbangan tidak akan diberikan kepada sebutharga yang lewat diterima.

6. Sebarang maklumat lanjut mengenai sebutharga ini boleh berhubung terus dengan Unit Pembangunan PDTSPT (04-5488888). Pihak Pejabat Daerah tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang Tawaran.

(KAMARUL HAIZAL BIN KODERAT)
Pegawai Daerah
Seberang Perai Tengah
BUKIT MERTAJAM

